

	Kewangan, Pentadbiran, Risiko dan Pematuhan – Proses Tahap 2			
	Dasar Pemberian Maklumat & Pendedahan Pekerja			
	Hak Milik dan Sulit	DL-04-PY-004-ENG Driveline STD (t/b)	Rev A	1 3

Semakan	Tarikh	Nota pengubahsuaian
A	21.04.2021	Terbitan Pertama

Kelulusan Dokumen

Dokumen diluluskan melalui sistem elektronik dalam Windchill (Perpustakaan DES) oleh semua fungsi yang berkenaan.

Pemilik Dokumen boleh dilihat dalam Portal DES.

Ini merupakan versi terjemahan dasar DES untuk rujukan sahaja.

Jika terdapat apa-apa percanggahan, dasar versi bahasa Inggeris yang asal diutamakan.

1.0 Tujuan

Di GKN Automotive, kami komited untuk mengekalkan piawaian kelakuan perniagaan yang tertinggi dan kami mengharapkan agar semua pekerja kami berkelakuan mengikut nilai kami dan keperluan Tatakelakuan Pekerja kami. Untuk mengekalkan piawaian ini, penting untuk pekerja bersuara dan mengemukakan isu kepada kami jika perkara buruk berlaku supaya kami boleh menangani isu itu dengan betul. Oleh itu, kami menggalakkan budaya ‘Speaking Up’ yang termasuk melaporkan keimbangan di bawah dasar ini.

Tujuan dasar ini adalah untuk menyatakan pendekatan GKN Automotive terhadap pentadbiran dan pengurusan Pemberian Maklumat.

Penasiat Umum bertanggungjawab terhadap dasar ini, untuk menyemak keberkesanan tindakan yang diambil sebagai tindak balas terhadap keimbangan yang dibangkitkan di bawah dasar ini dan untuk memastikan yang kemudahan untuk membolehkan kepatuhan dasar ini dikekalkan.

2.0 Skop

Dasar ini digunakan di semua lokasi GKN Automotive di peringkat global dan terpakai kepada semua Pekerja GKN Automotive (seperti yang ditakrifkan di bawah). Dasar ini menyatakan pendekatan GKN Automotive terhadap pentadbiran dan pengurusan “**Pemberian maklumat**” yang mana tujuan dasar ini bermaksud pendedahan maklumat yang berkaitan dengan salah laku, kelakuan tidak wajar atau bahaya di tempat kerja yang disyaki, dalam setiap kes berkaitan dengan GKN Automotive atau perniagaan GKN Automotive. Ini mungkin termasuk perkara yang berkaitan dengan:

- (a) **Pelanggaran Undang-undang atau Peraturan.** Contohnya, apa-apa aktiviti jenayah, kegagalan untuk mematuhi mana-mana tanggungjawab undang-undang atau keperluan kawal selia.
- (b) **Kebimbangan Kesihatan, Keselamatan atau Alam Sekitar.** Contohnya, melaporkan mana-mana kemungkinan amalan yang tidak selamat, apa-apa kerosakan terhadap alam sekitar atau pelanggaran dasar HSE GKN Automotive.
- (c) **Penyelewengan Kewangan.** Termasuk penipuan, pelarian cukai atau penyimpanan rekod secara tidak betul.
- (d) **Tingkah Laku Tidak Beretika.** Contohnya, sogokan, rasuah, semangat perkauman, diskriminasi, buli, gangguan atau mana-mana tingkah laku yang bercanggahan dengan nilai GKN Automotive.
- (e) **Pelanggaran mana-mana Dasar GKN Automotive.** Termasuk semua dasar yang berkaitan dengan kualiti dan semua dasar yang dirujuk dalam Tatakelakuan Pekerja kami.

	Kewangan, Pentadbiran, Risiko dan Pematuhan – Proses Tahap 2		
	Dasar Pemberian Maklumat & Pendedahan Pekerja		
	Hak Milik dan Sulit	DL-04-PY-004-ENG Driveline STD (t/b)	Rev A 2 3

- (f) Kerahsiaan mana-mana perkara di atas secara sengaja.
- (g) Mana-mana tindakan lain yang mungkin akan menjelaskan reputasi GKN Automotive atau pemegang saham GKN Automotive.

Dasar ini tidak membentuk mana-mana bahagian terma dan syarat pekerjaan Pekerja GKN Automotive dan secara prinsipnya tidak bertujuan untuk meliputi aduan atau rungutan yang berkaitan dengan keadaan peribadi Pekerja GKN Automotive, seperti cara mereka dilayan di tempat kerja.

Walaupun boleh terdapat persamaan, aduan sebegini biasanya lebih sesuai dikendalikan melalui prosedur rungutan tempatan (atau seumpamanya) yang digunakan untuk pekerjaan Pekerja GKN Automotive. Dasar ini berbeza dari negara ke negara dan tersedia daripada fungsi HR tempatan anda.

3.0 Proses

3.1 Mengemukakan Kebimbangan Pemberian Maklumat

Semua Pekerja GKN Automotive perlu berasa bebas untuk mengemukakan mana-mana kebimbangan Pemberian Maklumat dengan pengurus jabatan mereka. Ini boleh dilakukan secara lisan atau bertulis. Dalam banyak kes, pengurus jabatan mungkin boleh menyelesaikan kebimbangan dengan pantas dan secara berkesan. Dalam sesetengah kes, pengurus mungkin merujuk perkara itu kepada individu lain yang lebih sesuai. Dengan berbuat begitu, pengurus jabatan akan memaklumkan Pekerja GKN Automotive yang mengemukakan kebimbangan tersebut tentang cara mereka menangani isu itu, melainkan berbuat begitu boleh melanggar kerahsiaan yang sewajarnya perlu untuk menguruskan isu tersebut.

Walau bagaimanapun, jika perkara itu lebih serius atau Pekerja GKN Automotive berasa yang pengurusnya tidak boleh atau belum menangani kebimbangannya, atau atas apa-apa sebab pekerja itu tidak mahu membangkitkan kebimbangan kepada pengurusnya, pekerja itu perlu membangkitkan kebimbangan dengan:

- (a) menghubungi mana-mana ahli Jabatan Undang-undang (butiran perhubungan tersedia di Ourspace); atau
- (b) menghubungi Talian Utama Pendedahan Pekerja kami yang sulit. Talian itu diuruskan oleh pihak luar dan boleh mengendalikan panggilan secara tanpa nama jika perlu. Maklumat yang diberikan melalui talian utama akan dikongsikan dengan Jabatan Undang-undang yang akan mempertimbangkan cara terbaik untuk menangani kebimbangan seperti yang diterangkan dalam perenggan 3.2 di bawah. Nombor telefon untuk Talian Utama Pendedahan Pekerja tersedia di Ourspace, di www.gknautomotive.com/SpeakingUp dan dipaparkan secara terang-terangan di setiap lokasi GKN Automotive.

Kami menggalakkan kebimbangan dikemukakan secara terbuka dan langsung, jika boleh, dan hanya dibangkitkan secara tanpa nama apabila Pekerja GKN Automotive berasa seperti tiada alternatif kerana membangkitkan kebimbangan secara tanpa nama biasanya lebih menyukarkan untuk menjalankan siasatan yang betul atau untuk membuktikan sama ada mana-mana dakwaan boleh dipercayai atau tidak. GKN Automotive akan berusaha untuk mengekalkan identiti Pekerja GKN Automotive sulit jika diminta, melainkan pendedahan diperlukan untuk tujuan siasatan atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang, atau GKN Automotive sebaliknya menentukan yang tiada alternatif yang wajar.

3.2 Siasatan

Sebaik sahaja kebimbangan dibangkitkan kepada Jabatan Undang-undang atau melalui Talian Utama Pendedahan Pekerja, Jabatan Undang-undang akan menjalankan penilaian awal sifat kebimbangan itu dan kemudian akan (selepas berunding dengan mana-mana fungsi atau kepimpinan yang berkenaan) menentukan cara untuk meneruskan. Ini mungkin termasuk:

Fail utama disimpan secara elektronik dan tersedia untuk semua ahli pasukan. Salinan fail utama yang dicetak adalah untuk rujukan sahaja.
Kawalan semakan Dokumen ini diuruskan oleh Sistem GKN PDM (Windchill). Untuk butiran penuh, rujuk Sistem GKN PDM.

	Kewangan, Pentadbiran, Risiko dan Pematuhan – Proses Tahap 2		
	Dasar Pemberian Maklumat & Pendedahan Pekerja		
Hak Milik dan Sulit	DL-04-PY-004-ENG Driveline STD (t/b)	Rev A	3 3

- (a) Menentukan yang siasatan terhadap keimbangan adalah sesuai, dalam hal demikian penyiasat atau pasukan penyiasat akan dilantik.
- (b) Menentukan yang perkara itu perlu ditangani melalui proses lain, contohnya prosedur rungutan tempatan, dalam hal demikian keputusan ini akan dimaklumkan kepada Pemberi Maklumat.
- (c) Menentukan yang tiada asas untuk apa-apa tindakan lanjut, dalam hal demikian ini akan dimaklumkan kepada Pemberi Maklumat.

Berikut kesudahan mana-mana siasatan atau proses lain, maklumat tentang hasil proses itu mungkin dimaklumkan kepada Pemberi Maklumat setakat yang bersesuaian dengan keadaan.

Tiada hak untuk membuat rayuan atau proses seumpamanya terhadap mana-mana keputusan yang dibuat di bawah dasar ini. Mana-mana aduan yang berkaitan dengan cara mana-mana siasatan, keimbangan atau insiden dikendalikan mestilah dibuat melalui mana-mana prosedur rungutan tempatan (atau seumpamanya) yang digunakan untuk pekerjaan Pekerja GKN Automotive.

3.3 Perlindungan & Sokongan untuk Pemberi Maklumat

Kami memahami yang Pemberi Maklumat mungkin risau tentang akibat yang berkemungkinan. GKN Automotive bertujuan untuk menggalakkan keterbukaan dan akan menyokong Pekerja GKN Automotive yang mengemukakan keimbangan yang sebenar di bawah dasar ini, walaupun mereka sebenarnya tersalah. Khususnya, pemberi maklumat tidak akan terjejas (seperti pemecatan, tindakan disiplin, ancaman atau layanan buruk yang lain) hasil daripada tindakan mereka yang mengemukakan keimbangan yang sebenar. Walau bagaimanapun, Pemberi Maklumat yang membuat tuduhan palsu yang berniat jahat sendiri mungkin akan tertakluk pada tindakan disiplin.

Pekerja GKN Automotive tidak boleh mengancam atau membala-bala dendam terhadap Pemberi Maklumat dalam apa-apa cara. Mana-mana kelakuan sebegini sahaja mungkin menyebabkan tindakan disiplin.

4.0 Takrifan

“Pekerja GKN Automotive” bermaksud semua pekerja dalam GKN Automotive yang termasuk pekerja sepenuh masa dan separuh masa, serta pekerja lain termasuk kontraktor, pekerja agensi, pelatih, perantis dan sukarelawan.

“Pemberi Maklumat” bermaksud Pekerja GKN Automotive yang mengemukakan keimbangan sebenar yang berkaitan dengan perkara yang merupakan Pemberian Maklumat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 dasar ini.

5.0 Rekod/ Log

Jabatan Undang-undang akan mengekalkan rekod sulit untuk semua perkara Pemberian Maklumat yang dirujuk kepada mereka.

6.0 Rujukan

t/b